

RIWAYAT HIDUP ULAMA ISLAM YANG KEBILANGAN

Al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī

Dalam bilangan yang lalu telah dituliskan salasilah keturunannya, guru-gurunya, ilmu pengetahuan yang ia mahir di dalamnya dan perbahasannya dengan puak Mu‘tazilah, maka dalam siaran ini al-Rāzī menegaskan perdiriannya setelah ia puas mengharungi lautan falsafah dan pandangannya terhadap ilmu tasawwuf.

Pada 12 Muharram 606H. Al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī telah merencanakan wasiatnya kepada muridnya Ibrāhīm bin Abū Bakr al-Aṣṣfahānī. Wasiatnya ini adalah mengandungi tujuan yang tinggi bagi orang-orang yang beriman. Di bawah ini dipeturunkan sebahagian daripadanya:

“Alam yang nyata ini – kata al-Rāzī – adalah terletak di bawah tadbir Tuhan ‘Azza wa Jalla, yang Maha Suci, yang tidak bertolak-banding, dan bersifat dengan kesempurnaan kudrat, ilmu dan rahmat-Nya. Saya telah mengkaji cara perbahasan ilmu al-kalam dan jalan-jalan falsafah, malangnya kesemuanya itu tidak berfaedah berbanding dengan faedah yang saya dapati di dalam al-Quran al-Karim, kerana al-Quran memimpin manusia kepada menyerahkan kebesaran dengan sepenuhnya kepada Allah ‘Azza wa Jalla.

Oleh yang demikian berkatalah saya: Bahawa tiap-tiap perkara yang sabit dengan dalil yang zahir yang menerangkan wajib wujudnya Tuhan ‘Azza wa Jalla dan keesaan-Nya, serta kesucian-Nya daripada sesuatu yang mempersekutuinnya, lagi azali pada tadbir dan perbuatan-Nya, maka itulah yang saya katakan dan akui, dan dengannya saya menghadap Allah Subhānahu wa Ta‘ālā; ada pun perkara yang sulit dan terlindung, maka tiap-tiap yang tersebut di dalam Quran dan tiap-tiap khabar (hadis) yang sah yang sekata diakui oleh imam-imam (alim ulama

yang kebilangan) yang menurut bagi makna atau pengertian yang satu, maka begitulah pengertiannya seperti yang tersebut di dalam Quran dan Hadis) itu, dan yang bukan seperti itu, maka berkatalah saya: Wahai Tuhan yang menjadikan seluruh alam, saya memandang sekalian makhluk sekata mengakui bahawa Tuhanlah yang amat Pemurah dan amat Mengasihani. Oleh itu tiap-tiap perkara yang telah ditulis oleh kalamku atau terlintas di hatiku maka bersaksilah saya dan berkata: Bahawa saya tidak mengerjakan melainkan mensucikan sesuatu yang saya yakin kebenarannya. Oleh itu saya pohonkan rahmat Tuhanku bukan kerana hasil usaha saya itu tetapi kerana tujuan saya yang tersebut, kerana itulah sahaja usaha orang yang sedikit amalnya. Sedang Tuhanku amat Pemurah daripada menyempitkan hamba yang da‘if yang terjerumus di dalam kesalahan, berilah bantuan dan rahmatkanlah saya, serta tutupilah kesalahan saya, wahai Tuhan yang tidak akan bertambah kerajaan-Nya oleh makrifat orang-orang yang arif, dan tidak akan kurang kerajaan-Nya oleh kesalahan orang-orang yang salah; dan saya berkata lagi: agama saya ialah menurut Sayyidi al-Mursalīn Muhammad (SAW), kitabku ialah al-Quran al-Karim, di atas keduanya jua saya bersandar pada mencari pengetahuan-pengetahuan agama”.

Pada akhir wasiat itu, al-Imām al-Rāzī telah berwasiat kepada anak-anaknya dan murid-muridnya supaya menyembunyikan berita matinya. Pada hari Isnin, berbetulan pada hari ‘Aid al-Fitri tahun itu juga al-Imām al-Rāzī telah wafat di bandar “Hirah” (Iran). Lalu dikebumikan di qaryah “Muzdakhan”.

Al-Rāzī dan Ilmu Tasawwuf

Dalam salah satu risalahnya, al-Rāzī telah menulis dengan panjang lebar berkenaan firqah-firqah dalam Islam dan firqah-firqah Yahudi, Majusi dan Nasrani. Suatu fasal khas telah diuntukkan bagi hal-ehwal ahli-ahli falsafah. Disebutnya juga firqah-firqah ahli sufi, dan al-Rāzī lah orangnya yang tunggal yang telah menghitungkan puak ahli sufi sebagai satu firqah, sedang terlebih dahulu daripada itu penyusun-penyusun kitab-kitab tidak mengambil berat pada membezakan mazhab ahli sufi sebagai mazhab suatu firqah yang bersendirian. Kekurangan ini telah disadari oleh Rāzī, kerana firqah ahli sufi mempunyai keistimewaannya dengan suatu perkara dalam ilmu usul yang berlainan daripada firqah-firqah Islam yang lain. Jelasnya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah memandang bahawa jalan kepada mengenal Allah ialah melalui pendengaran (yakni berpandu kepada dalil Quran dan hadis yang disampaikan oleh Nabi)-Manakala firqah Mu‘tazilah dan setengah firqah yang lain memandang bahawa jalan mengenal Allah ialah dengan akal. Akan puak ahli sufi pula memandang bahawa jalan mengenal Allah ialah membersihkan dan melucutkan diri daripada segala perhubungan badan bagi mencapai martabat Kashaf (terbuka dinding yang menyekat alam nyata dengan alam ghaib).

Pengarang kitab “*Tbaqāt al-Itbā*” mengatakan risalah al-Rāzī yang tersebut bernama “*al-Malal wa al-Nihāl*” demikian juga yang ditulis oleh pengarang kitab “*Shadhārat al-Dhahab*”

di dalam kita “*Akhhār al-Hukamā*” pula tersebut dengan nama “*al-Riyāḍ al-Muwanqah fī al-Malal wa al-Nahāl*”. Tersebut juga di dalam kitab “*Kashaf al-Zanūn*”, dan risalah ini juga ada disebut oleh “*Brockelman*” (orientalis Jerman) dengan nama “*Itiqād al-Muslimīn wa al-Mushrikīn*.”

Perkara yang penting yang terkandung di dalam risalah ini ialah tentang al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī telah menulis satu bahagian khas untuk puak-puak ahli sufi, katanya:

“Kebanyakan ahli-ahli tarikh yang telah menulis dari hal firqah-firqah dalam Islam tidak menyebut akan firqah-firqah ahli sufi, pada hal yang demikian adalah salah, kerana menurut faham ahli-ahli sufi bahawa jalan mengenal Allah Ta‘ālā ialah membersihkan dan melucutkan diri (*al-Tasfiyah wa al-Tajarrud*) daripada perhubungan-perhubungan badan, jalan ini memang baik, dan mereka itu pula adalah terdiri daripada beberapa firqah:

Yang pertama – *Ashāb al-‘Ādāt*, iaitu suatu puak yang hanya tujuan mereka pada membesarkan pakaian zahir seperti memakai “*al-Khirqah*”, sejenis pakaian yang terkenal menjadi cogan ahli sufi.

Yang kedua – *Ashāb al-‘Ibādāt*, iaitu puak yang hanya membuang dunia (zuhud) dan mengerjakan ibadat semata-mata, dengan tidak mengerjakan usaha-usaha yang lain.

Yang ketiga – *Ashāb al-Haqīqah*, puak yang mengerjakan fardhu dengan tidak mengerjakan sunat dan mereka hanya berfikir dan melucutkan diri daripada perhubungan badan. Mereka bersungguh-sungguh mencuba supaya hati mereka tiada sunyi daripada mengingati Allah ‘Azza wa Jalla. Golongan ini – kata al-Rāzī– ialah sebaik-baik firqah anak Adam.

Yang Keempat – Al-Nūriyyah, iaitu suatu puak yang berkata:

Sambungan pada muka 10.

di hadapan umum – bahawa beliau adalah pemeluk agama Kristian.

Melihat kepada ketetapan itu lain yang dituju dan lain yang didapat, maka ayah bonda beliau menariknya daripada pengajian di sekolah *missionary* yang selama sebelas tahun itu dipindahkan belajar balik di surau. Di sanalah mulai beliau mengaji pula pelajaran Islam. Dalam masa di surau itu, kerana beliau tahu dan rajin menulis maka sebagaimana kebiasaan dalam setahun sekali ramai kiyai-kiyai yang ternama memberi syarahan dan pengajian, yang daripada mereka beliau banyak mendapat faedah.

Akhirnya beliau diminta mengawankan ibunya pergi menunaikan haji di Mekah dan tatkala tiba di Mekah beliau tertarik dengan keadaan di Mekah lalu meminta izin untuk tinggal mengaji di sana. Demikianlah selama sebelas tahun mengaji (seterusnya dengan guru-guru yang berbahasa Arab) dan akhirnya empat tahun pula beliau mengajar di Mekah lalu balik ke Indonesia jadi beliau sebelas tahun mengaji dalam pengajian Kristian dan sebelas tahun pula mengaji dan mengajar di Mekah.



Madam Eynie Tabanus salah seorang ahli lagu bangsa Perancis berumur 50 tahun dan menjadi mahaguru dalam sekolah kesenian yang telah memeluk agama Islam setelah mendengar penerangan Kiyai Anwar Musaddad.

Seorang lagi yang memeluk agama Islam setelah mendengar penerangannya ialah Doktor Lopini mahaguru dalam Universiti Gajah Mada.

sambungan dari muka 7

bahawa tabir atau dinding itu dua jenisnya: Cahaya dan api (*nūrī wa nārī*). Ada pun dinding (*hijāb*)

“cahaya” itu ialah mengerjakan usaha yang mendapatkan sifat-sifat yang terpuji, seperti bertawakkal, *shauq* (mencintai Tuhan), menyerah dan berjaga-jaga dengan cermat akan tiap-tiap kerja yang dilakukan. Akan dinding “api” pula ialah mengerjakan apa-apa yang berupa syahwat, marah, haloba dan terharap-harap, kerana semuanya ini ialah sifat-sifat api, sebagaimana Iblis oleh kerana ia berasal daripada api maka tidak pelik kalau ia terjerumus dalam gaung hasad.

Yang kelima – *Al-Hulūliyah*, suatu puak yang memandang beberapa perkara yang ganjil dalam diri mereka, mereka tidak cukup mempunyai pengetahuan akal, dan kerana itu mereka menyangka telah dapat bersatu dengan Tuhan (yakni Tuhan menyerap ke dalam diri mereka) lalu mereka mendakwa dengan perkara-perkara yang bukan-bukan. Faham yang demikian mulai timbul dalam Islam ialah dalam lingkungan kaum Rafḍī. Mereka mendakwa imam-imam mereka dapat darjah *Hulūliyah* – bersatu dengan Tuhan atau Tuhan menyerap dalam diri mereka.

Yang keenam - *Al-Mubāḥiyah*, puak yang mengerjakan ibadat yang tidak ada asalnya, dan membuat kekeliruan dalam perkara-perkara yang benar, sambil mereka mendakwa mencintai Tuhan ‘Azza wa Jalla, pada hal mereka yang sebenarnya tidak mengetahui hakikat bahkan menyalahi shar‘iyyat dengan berkata: “Tuhan yang dikasihi telah mengangkat hukum taklif daripada kami.” Golongan ini ialah subahat-subahat firqah-firqah yang tersebut.

[Perdirian Imam al-Rāzī terhadap tafsir al-Quran al-Karim akan disiarkan dalam “Qalam” yang akan datang – P.Q.]